

SUKAN MALAYSIA IX, 2002
PERATURAN PERTANDINGAN KARATE
(LELAKI DAN WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan Pertubuhan Persekutuan Karate Sedunia (WKF) Persatuan Karate Malaysia (MAKAF).
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002.**
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang Pertubuhan Persekutuan Karate Sedunia (WKF).
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Karate Sukan Malaysia IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

02 Sept hingga 03 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Dewan Serbaguna,
Kompleks Sukan Kota Kinabalu,
Sabah .

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan Negeri, PDRM dan MASUM boleh mendaftar satu (1) pasukan Lelaki dan satu (1) pasukan Wanita seperti berikut :-

	Pasukan Lelaki	Pasukan Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	10 orang	7 orang
Jumlah	13 orang -----	8 orang -----

- 4.3 Seorang pengadil yang disahkan dan dipersetujui oleh MAKAF.
- 4.4 Satu pasukan boleh mendaftar seorang (1) peserta sahaja bagi setiap kelas beratan.

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir di antara tahun 1981 hingga 5 September 1985 (komite) dan 1981 hingga 5 September 1986 (kata) sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan

dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

- 5.3 Hanya peserta yang berdaftar dengan Yuran Pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang mengikut Peraturan AM 6.2 layak menyertai pertandingan ini. Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, jika seseorang peserta didapati telah didaftarkan oleh lebih daripada satu pasukan negeri. Pengesahan bertulis daripada peserta berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran pasukan yang akan disertainya kecuali anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia yang perlu mendapatkan kelulusan Majlis Sukan Angkatan Tentera.
- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa Taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua yuran pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat tajaan daripada Kerajaan Negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang peserta kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am 20.11.

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pertukaran nama pemain yang telah didaftarkan semasa taklimat. Selepas taklimat tersebut, sebarang permintaan pertukaran nama peserta tidak dibenarkan.

7.0 TIMBANGAN

- 7.1 Setiap peserta semua kelas beratan akan ditimbang setiap hari pertandingan. Berat yang tercatat di penimbangan ketika itu adalah berat seseorang peserta.
- 7.2 Acara timbangan hendaklah selesai dua (2) jam terlebih dahulu untuk pertandingan dari hari pertama dan satu (1) jam terdahulu untuk hari-hari pertandingan yang seterusnya.
- 7.3 Semasa menjalani acara timbangan, peserta-peserta lelaki hendaklah memakai seluar pendek dan peserta wanita memakai baju T dan seluar panjang (slack).

8.0 PAKAIAN PESERTA

- 8.1 Setiap peserta hendaklah memakai satu pakaian rasmi (seperti dinyatakan dalam appendika 1 undang-undang WKF).

- 8.2 Para pengadil dan hakim pertandingan mestilah memakai pakaian seragam.
- 8.3 Peserta-peserta hendaklah memakai tanda nombor peserta di atas bahu jaket.
- 8.4 Adalah tidak dibenarkan sama sekali peserta-peserta memakai sebarang pakaian lain, alat-alat tambahan seperti kasut, cermin mata dan sebagainya.
- 8.5 Ketua pengadil berhak melarang mana-mana pegawai atau peserta yang tidak mengikut peraturan.

9. ACARA

- 9.1 Acara yang dipertandingkan :-
 - 9.1.1 KATA - Individu/Berpasukan
KUMITE - Individu
 - 9.1.2 Kategori : Satu (1) kategori hanya seorang peserta
- 9.2 Acara Lelaki (sembilan (9) acara) :-
 - 9.2.1 KATA - Individu lelaki
 - 9.2.2 KATA - Berpasukan lelaki
 - 9.2.3 – 55kg
 - 9.2.4 – 60kg
 - 9.2.5 – 65kg
 - 9.2.6 – 70kg
 - 9.2.7 – 75kg
 - 9.2.8 – 80kg
 - 9.2.9 + 80kg

9.3 Acara Wanita (Enam (6) acara) :-

9.3.1 KATA - Individu wanita

9.3.2 KATA - Berpasukan wanita

9.3.3 - 48kg

9.3.4 - 53kg

9.3.5 - 60kg

9.3.6 + 60kg

10.0 PENGGUNAAN DADAH

10.1 Menggunakan sebarang dadah, alkohol atau ubat perangsang atau suntikan ke dalam bahagian badan, samada sebelum atau ketika pertandingan, kepada atau oleh peserta adalah dilarang sama sekali. Setiap peserta yang melanggar undang-undang akan dibatalkan daripada mengambil bahagian.

11.0 SISTEM PERTANDINGAN

11.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut sistem repercharge seperti di peraturan WKF/AUKO.

11.2 Masa pertandingan untuk lelaki Kumite Individu adalah selama tiga (3) minit dan bagi wanita Individu adalah dua (2) minit. Untuk pertandingan Kategori KATA, ia akan dijalankan dalam dua (2) pusingan sahaja.

12.0 PENGADIL/HAKIM

12.1 Jawatankuasa Kecil Teknikal akan melantik tambahan pengadil-pengadil yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang pertandingan berlangsung.

12.2 Keputusan pengadil dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

13.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

13.1 Perlantikan juri rayuan dan prosedur aturcara mesyuarat adalah mengikut yang dipakai oleh Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF). Terdiri daripada:-

13.1.1 Wakil Delegasi Teknikal

13.1.2 Pengerusi Pengelola Pertandingan

13.1.3 Referi

14.0 JAWATANKUASA TATATERTIB

14.1 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada pengadil atau pegawai pertandingan dan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil berlebihan daripada para 11.1 di atas.

14.2 Jawatankuasa ini adalah berhak mendapat maklumat daripada mana-mana maklumat yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat keputusan.

15.0 HADIAH-HADIAH

15.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:-

	EMAS	PERAK	GANGSA
<i>LELAKI</i>			
Kata Individu	1	1	1
Kata Berpasukan	1	1	1
- 50kg	1	1	2
- 60kg	1	1	2

- 65kg	1	1	2
- 70kg	1	1	2
- 75kg	1	1	2
- 80kg	1	1	2
+ 80kg	1	1	2
JUMLAH	9	9	16

WANITA

Kata Individu	1	1	1
Kata Berpasukan	1	1	1
- 48kg	1	1	2
- 53kg	1	1	2
- 60kg	1	1	2
+ 60kg	1	1	2
JUMLAH	6	6	10

Disediakan Oleh:
 Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan
 Sukan Malaysia IX, 2002
peraturan am SUKMA 2002/karate/200301/azhar